



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS

APPGM-SDG supports the Sustainable Development Goals

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
All-Party Parliamentary Group Malaysia

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari

Buku Rujukan Pembangunan Kapasiti



1 TIADA
KEMISKINAN



2 SIFAR
KEBULURAN



3 KESIHATAN YANG
BAIK DAN SEJAHTERA



4 PENDIDIKAN
BERKUALITI



5 KESAKSAMAAN
JANTINA



6 AIR BERSIH
DAN SANITASI



7 TENAGA BERSIH
DAN BERPATUTAN



8 PEKERJAAN YANG BAIK
DAN PERTUMBUHAN
EKONOMI



9 INDUSTRI, INOVASI
DAN INFRASTRUKTUR



10 MENGURANGKAN
KETIDAKSAMARATAAN



11 BANDAR DAN
KOMUNITI MAMPAAN



12 PENGUNAAN DAN
PENGELUARAN
BERTANGGUNG JAWAB



13 TINDAKAN MENERANGI
PERUBAHAN IKLIM



14 KEHIDUPAN DI
BAWAH AIR



15 KEHIDUPAN
DARAT



16 KEAMANAN,
KEADILAN DAN
INSTITUSI YANG KUAT



17 PERKONGSIAN
UNTUK MATLAMAT



Tiada Sesiapa Ketinggalan

KATA ALUAN

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

PENGERUSI APPGM-SDG & AHLI PARLIMEN BATANG LUPAR

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan buat Sekretariat Kumpulan Rentas Parti Parliment Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (KRPPM-MPL) bagi penyediaan dan penyampaian Program Pembangunan Kapasiti yang di ketuai oleh Assoc. Prof. Dr. Zainal Abidin Sanusi. Penyediaan bagi program ini termasuklah penerbitan buku dan berkenaan Program Pembangunan Kapasiti yang akan menjadi dokumen rujukan pertama Matlamat Pembangunan Lestari (MPL) atau *Sustainable Development Goals (SDGs)* di dalam bahasa Malaysia. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, APPGM-SDG terus mengorak langkah menjalankan perancangan yang diatur antaranya adalah penyampaian program pembangunan kapasiti kepada penjawat-penjawat awam dan ketua-ketua penduduk tempatan.

Selain daripada komponen-komponen lain gerak kerja APPGM-SDG, komponen pembangunan kapasiti merupakan komponen yang sangat penting dalam memastikan penyetempatan MPL adalah menyeluruh dan menjaminkan semua pihak yang terlibat memahami dengan lebih lanjut berkenaan MPL. Seterusnya, pihak tersebut terutamanya penjawat-penjawat awam dan ketua-ketua komuniti yang memainkan peranan utama dalam pelaksanaan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat dapat menggerakkan dan menggunakan rangka agenda MPL. Hal ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia untuk mencapai sasaran Agenda 2030.

Saya berharap agar semua pihak dapat terus berganding bahu menggalas tanggunjawab dan aspirasi nasional dalam mencapai MPL seterusnya mengangkat dan memartabatkan Keluarga Malaysia secara menyeluruh. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan sekalung ucapan penghargaan kepada pihak Parliment Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri) di atas sokongan dan kerjasama utuh yang diberikan dari awal penubuhan APPGM-SDG.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada pihak APPGM-SDG dan semoga terus maju jaya!

KATA ALUAN

PROF DATUK DR DENISON JAYASOORIA
KETUA SEKRETARIAT APPGM-SDG

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari (MPL) adalah sangat penting untuk meningkatkan penyampaian dan pelaksanaan dengan membawa persoalan global ke peringkat akar umbi. Pada September 2015, Malaysia dan negara-negara anggota Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) telah bersetuju untuk memasukkan MPL di dalam agenda pembangunan.

Sejak penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (KRPPM-MPL) atau All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) pada 2019, Kumpulan Kerja KRPPM-MPL telah turun padang di peringkat daerah dan kawasan parlimen. Pada 2020, gerak kerja KRPPM-MPL adalah melibatkan kepada 10 kawasan parlimen dan pada 2021 melibatkan 21 kawasan parlimen. Dalam hal ini kumpulan kami bekerja dalam pendekatan pelbagai pihak berkepentingan (kerajaan, parlimen, cso/ngo dan komuniti tempatan) dalam menjadikan MPL satu realiti terutamanya dalam memastikan Tiada Sesiapa Ketinggalan.

Satu aspek penyetempatan MPL ialah pembangunan kapasiti. Lebih-lebih lagi penjawat awam peringkat daerah bersama-sama pemimpin masyarakat setempat. Semasa lawatan tapak dijalankan, kami menyedari bahawa ramai di peringkat daerah tidak mengetahui tentang MPL sama ada dari segi matlamat, sasaran atau indikator. Selain itu, bahan-bahan sedia ada juga sangat terhad di dalam bahasa Malaysia.

Kami dapati bahawai pegawai-pegawai di peringkat daerah terbuka untuk berbincang dan memahami MPL terutamanya tentang bagaimana ia boleh mengukuhkan penyampaian perkhidmatan mereka. Pada pemahaman saya, penyampaian perkhidmatan paling baik dilaksanakan di peringkat daerah dan pihak berkuasa tempatan kerana pegawai di peringkat tempatan berinteraksi secara langsung dengan semua orang di peringkat akar umbi. Oleh itu mereka adalah agen terpenting transformasi masyarakat. Sehubungan ini, Kumpulan Kerja KRPPM-MPL bersetuju untuk melabur wang dan masa untuk menyediakan maklumat dan latihan untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang sifat kesalingbergantungan MPL.

Penyediaan dokumen ini dipimpin oleh Assoc. Prof. Dr. Zainal Abidin Sanusi dan Pusat Sejahtera, UIAM. Ini adalah sumbangan besar untuk pemahaman yang lebih baik tentang MPL dan penggunaannya di peringkat tempatan. Dokumen ini menyediakan butiran kandungan yang memberikan penjelasan yang baik tentang apakah 17 MPL dan bagaimana ia relevan untuk konteks Malaysia.

Bagi pihak sekretariat KRPPM-MPL, saya mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada Assoc. Prof. Dr. Zainal Abidin Sanusi atas komitmen dan kerjasama beliau terutamanya semasa lawatan tapak di kawasan Parlimen yang terlibat dengan gerak kerja KRPPM-MPL bagi merangka keperluan sosial serta menggalakkan penjawat awam dan pemimpin akar umbi untuk lebih memahami MPL di peringkat tempatan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai kanan kerajaan atas sokongan mereka terutamanya daripada EPU, MoF, Pejabat Daerah dan di semua pegawai-pegawai sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Daerah dan pihak berkuasa tempatan. Kerjasama anda sebagai penjawat awam serta sokongan pemimpin masyarakat setempat adalah sangat dihargai dan ianya menjadi punca kejayaan bagi penyetempatan MPL.

Sekalung penghargaan juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG yang diketuai oleh YB Dato Sri Rohani Abdul Karim kerana membolehkan kami menganjurkan program pembangunan kapasiti di seluruh negara. Dengan penuh kerendahan hati saya ingin menggalakkan anda untuk meluangkan masa untuk membaca dan mengkaji penyetempatan MPL ini supaya anda dapat berkhidmat kepada rakyat dengan lebih berkesan. Semoga Tuhan mengukuhkan kefahaman dan aplikasi pemikiran ini agar semua termasuk dan mengambil bahagian di dalam semua agenda pembangunan sama ada pendidikan, kesihatan, perumahan, pekerjaan, pembangunan perniagaan dan pengalaman kehidupan yang lebih berkualiti.



**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**

APPGM-SDG supports the Sustainable Development Goals

Malaysian CSO-SDG Alliance
Sekretariat Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai
Matlamat Pembangunan Lestari (KRPPM-MPL)
A-1-10, 8 Avenue Business Centre, 42600, Petaling Jaya
Email: appgmsdgm@gmail.com